

Dr. Siti Hasmah paling istimewa kerana keupayaannya

UM - 8 JUL 2003

KUALA LUMPUR 7 Julai — Dalam sejarah isteri-isteri **pemimpin** di **negara ini**, Datin Seri Dr. **Siti Hasmah Mohamad Ali** muncul sebagai seorang yang paling istimewa dan luar **biasa** kerana keupayaannya **melaksana-**kan pelbagai peranan yang diberikan kepadanya.

Menurut Pengerusi Majlis Penasihat **Wanita** Malaysia, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah **Karim**, selain menjalankan **tanggung-**jawab sebagai isteri pemimpin utama negara, Dr. **Siti Hasmah juga** dikenali sebagai **pemim-**pin masyarakat di **peringkat kebangsaan** dan antarabangsa. -

Selain itu, katanya, **isteri Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu **juga** **juga** berperanan sebagai **isteri**, ibu serta pencinta **sukan** dan **seni** yang setia.

"Beliau **juga** dihormati sebagai doktor yang berkhidmat **dengan penuh** dedikasi terutama kepada **masyarakat** luar bandar sebelum menamatkan perkhidmatannya kerana beliau berasaskan lebih diperlukan sebagai isteri **Timbalan** dan kemudiannya **Perdana Menteri** Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk *Menyelami Pemikiran Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali: Satu Revolusi Alaf Baru* pada Seminar Pemikiran **Wanita: Menyelami Pemikiran Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali** anjuran Gabungan **Persa-**tuan Pelajar **Melayu Semenanjung (GPMS)**.

Kertas **kerja tersebut** dibentangkan oleh **Ketua** Penerangan GPMS, **Jaafar Rahim** di **Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)** di sini, hari ini.